


6. Budak Yang Nakal

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

tangga bergerak

terjatuh

bermain

terluka

mengejek

Hamka seorang budak yang nakal. Dia suka berlari dan bermain. Dia selalu dimarahi kerana dia tidak tahu duduk diam.

Pada suatu hari, keluarga Hamka pergi ke pusat membeli-belah. Sedang mereka hendak masuk ke sebuah kedai, Hamka berlari ke arah sebuah **tangga bergerak**. Abangnya, Syafiq mengejarnya.

Hamka **bermain** di atas tangga bergerak itu. Apabila abangnya menyuruhnya berhenti, dia **mengejek** abangnya. Kemudian, dia turun tangga bergerak tersebut dengan berlari.

Tiba-tiba, Hamka **terjatuh**. Dia menangis kerana **terluka** di lutut dan sikunya. Akhirnya, dia dimarahi ibu bapanya dan juga abangnya. Dia menyesal dengan perbuatannya itu.